

Pegawai penguat kuasa ditahan SPRM kes lindungi pusat bitcoin

Makan suap RM12,000 sebulan

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai penguat kuasa semalam bagi membantu siasatan kes melindungi pusat-pusat perlombongan bitcoin dengan bayaran RM12,000 sebulan di Perak.

Pegawai berusia 34 tahun itu juga dipercayai memiliki sebuah pusat perlombongan bitcoin yang menggunakan bekalan elektrik secara haram.

Sumber memberitahu, penahanan pegawai yang bertugas di Perak itu adalah susulan daripada soal siasat ke atas seorang taikun yang mengawal sebanyak 500 premis perlombongan bitcoin di seluruh negara.

"Pegawai terbabit telah dibawa ke Mahkamah Majistret Jenayah 1, Ipoh, Perak pagi tadi (semalam) untuk permohonan reman selama lima hari sehingga 7 Mac ini di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut sumber, hasil soal siasat juga mendedahkan bahawa wujud kegiatan pemilikan pusat-pusat perlombongan bitcoin dalam kalangan pegawai tinggi agensi penguat kuasa, namun premis terbabit dijalankan oleh ahli sindiket bagi pihak pegawai berkenaan.

"Siasatan masih berjalan dan kita sedang mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat, tetapi SPRM tidak menolak bahawa akan ada lagi tangkapan berhubung perkara ini.

"Siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17 Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009," ujarnya.

Di **Kuala Lumpur**, seorang pengarah sebuah syarikat pendawaian direman empat hari di Mahkamah Majistret semalam



SPRM membawa seorang pegawai penguat kuasa ke Mahkamah Majistret Jenayah 1, Ipoh semalam untuk mendapatkan permohonan reman.



SEORANG pengarah syarikat pendawaian ditahan reman selepas SPRM mendapat kebenaran Mahkamah Majistret Kuala Lumpur semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan sindiket bitcoin kepada pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Perintah reman itu dikeluarkan

oleh Majistret Nur Farahain Roslan terhadap suspek berusia 33 tahun bermula semalam selepas membenarkan permohonan reman yang dikemukakan oleh SPRM Kuala Lumpur.

Menurut sumber, suspek yang berusia 33 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur kelmarin, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16 (b)(A) Akta SPRM 2009.

Rabu lalu, akhbar melaporkan SPRM telah menahan 18 individu bagi membantu siasatan kes suapan rasuah oleh sindiket bitcoin kepada pekerja TNB menerusi

Ops Power baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, kesemua suspek lelaki berusia 30 hingga 60 tahun itu adalah warga tempatan dan salah seorang mereka termasuk dalam sindiket berkenaan.

Bagaimanapun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din dalam satu kenyataan kelmarin memberitahu, pihaknya menafikan terdapat kakitangan syarikat utiliti itu menerima sogokan daripada sindiket mencuri bekalan elektrik untuk melombong bitcoin.